



BINA PURI HOLDINGS BHD

Since 1975

PRESS RELEASE

Berita Harian
2010/09/08

KLS Expressway dibuka kepada orang ramai 2011

BINA Puri Holdings Bhd berkata, pembinaan Lebuh Raya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (KLS Expressway) yang bernilai hampir RM1 bilion berjalan lancar dan akan dibuka kepada orang ramai pada April 2011.

Pengerusinya, Datuk Ir Wong Foon Meng berkata projek yang dilaksanakan menerusi skim penswastaan kerajaan Malaysia berdasarkan kaedah bina-kendali dan pindah itu, dijayakan dengan kerjasama pemegang konsesi yang dipilih, iaitu KL-Kuala Selangor Expressway Bhd.

KL-Kuala Selangor Expressway adalah syarikat sekutu dengan 50 peratus kepentingan ekuitinya dimiliki Bina Puri.

"Pembinaannya mengikut jadual dan akan diserah dan dibuka pada April 2011," katanya semasa ditanya mengenai kemajuan projek itu selepas majlis memeterai perjanjian antara Bina Puri dan Medini Land Sdn Bhd di Kuala Lumpur, semalam.

Sehingga Mei lalu, pembinaan KLS Expressway sudah mencapai kemajuan sehingga 60 peratus.

Apabila siap sepenuhnya, KLS Expressway mampu menjimatkan masa perjalanan daripada dua jam kepada kira-kira 45 minit bagi perjalanan dari Kuala Lumpur ke Kuala Selangor.

Pembinaan lebuh raya itu turut memanfaatkan penduduk setempat dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan seperti restoran di hentian rehat serta kerja penyelenggaraan lebuh raya, khususnya di daerah Kuala Selangor dan Gombak, selain meningkatkan nilai hartanah di sekitar kawasan berdekatan.

KLS Expressway adalah sebahagian perancangan kerajaan bagi pembinaan Jalan Lingkaran Luar Kuala Lumpur (Klorr) dengan membabitkan kawasan dari utara Templer Park ke bandar Assam Jawa di daerah Kuala Selangor.

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor
Corp Communications Dept
BINA PURI HOLDINGS BHD
Tel : 03-6136 3333 (3005)
Fax : 03-6136 9999
E-mail : surati@binapuri.com.my